BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9370
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.500-3/1/1 Jld. 4 (22)
Tarikh : 2 Disember 2024

Semua Ketua Bahagian/Jabatan

Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PENGARAH, PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44/48(KUJ) DI BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan sebagai **Penolong Pengarah, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG44/48(KUJ) di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**. Sehubungan dengan itu, BPSH ingin mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Bahagian/Jabatan di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

3. Pegawai-pegawai yang berminat untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut perlu memenuhi kriteria seperti syarat-syarat berikut:

Syarat-Syarat Umum:

3.1 Terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berada pada gred DG44 secara hakiki atau gred DG48 Khas Untuk Penyandang (KUP) pada tarikh iklan dikeluarkan;

3.2 Memperolehi markah prestasi 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022, 2023);

3.3 Bebas dari Tindakan tatatertib – rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2009;

3.4 Telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta melebihi lima (5) tahun);

3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-Syarat Khusus

3.7 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda;
3.8 Mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang Pendidikan;
3.9 Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik.

4. Pegawai yang berminat boleh mengemukakan dokumen seperti berikut:

4.1 Mengisi borang permohonan seperti di **Lampiran A**;
4.2 Kenyataan Ketua Jabatan di **Lampiran B**;
4.3 Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah;
4.4 Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemas kini dan diperakui sah; dan
4.5 Resume serta Salinan sijil yang diakui sah

5. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **10 Disember 2024** ke alamat seperti di bawah:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Sektor Khidmat Pengurusan)

6. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini boleh diajukan kepada **Puan Nur Azalila binti Shufa'at** di talian **03-8883 0673 atau Puan Siti Norzaleha binti Latib** di **talian 03-8884 9366**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NUR AZALILA BINTI SHUFA'AT)
b.p. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian